

1984

KUALA LUMPUR, 27 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MAHU SELURUH ANGGOTA UMNO MENANAMKAN SEMANGAT UNTUK MENEGAKKAN ISLAM YANG SEBENAR BAGI MENANGKIS DAKWAH CACAT YANG DIAJUKAN OLEH PAS.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO KHUATIR JIKA SEMANGAT ITU TIDAK DISEMAI, DAKWAH CACAT AKAN MENJADI ANUTAN SEBAHAGIAN BESAR UMAT ISLAM NEGARA INI.

BAGI MENYEMAIKAN SEMANGAT ITU, BELIAU MENGINGATKAN SETIAP ANGGOTA UMNO SUPAYA BERHATI-HATI DAN BERSIKAP SERIUS KETIKA MEMBINCANGKAN SOAL-SOAL AGAMA.

MEJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN SEMASA PERBAHASAN DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA MEREKA PERLU BERFIKIR HALUS-HALUS SAMAADA TINDAKAN MEREKA ITU DIBUAT BERASASKAN KEANGKUAN, MINAT UNTUK MENARIK PERHATIAN KEPADA DIRI SENDIRI ATAU BENAR-BENAR KERANA AJARAN ISLAM.

+TANYA DIRI DULU SEBELUM MEMBUAT SEBARANG HUJAH. TANYA APAKAH YANG DIKATAKAN ITU DILAKUKAN KERANA KEHENDAK ISLAM AT A U KERANA HENDAK MENONJOLKAN KEISLAMAN DIRI Masing-masing.+ -- LAGI 2250/WS

UMNO - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA PERBUATAN SEUMPAMA ITU LARI DARI AJARAN ISLAM. +ISLAM BUKAN UNTUK PAMERAN. ISLAM ADALAH KEPERCAYAAN YANG MENENTUKAN KITA DAPAT HIDUP SELAMA-LAMANYA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN ISLAM ADALAH AGAMA YANG AMAT SESUAI BAGI MANUSIA SERTA MUDAH DIAMALKAN DAN TIDAK MEMBEBAKAN.

+ISLAM JUGA MEMPUNYAI BANYAK KELONGGARAN YANG DIBERIKAN OLEH TUHAN YANG TENTU MEMPUNYAI TUJUANNYA TETAPI MENGAPAKAH KELONGGARAN ITU TIDAK DINILAI ATAU DIHARGAI?+, TANYA BELIAU.

BELIAU BERKATA KAUM MELAKI DIBOLEHKAN BERKAHWIN EMPAT ADALAH SATU KELONGGARAN TETAPI DENGAN SYARAT POLIGAMI ITU BUKAN KERANA BORONGAN NAFSU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASALAH YANG DIHADAPI SEKARANG IALAH MENGAPA UMAT ISLAM SENDIRI TIDAK BERPUASHATI DENGAN KELONGGARAN -KELONGGARAN ITU DAN MAHU IA DIPERKETATKAN LAGI.

+INI MENJADI MASALAH SEKARANG KERANA TERLALU RAMAI ORANG YANG TIDAK BERPUASHATI DENGAN KELONGGARAN DAN MENCIPTAKAN BERMACAM-MACAM LAGI PERKARA WAJIB.+-- LAGI 2252/WS

ZCZC 8653

UMNO-ISLAM 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERBUATAN INILAH YANG MEMBEBAKAN UMAT ISLAM DAN BUKANNYA HUKUM ISLAM SENDIRI.

+PERBUATAN SENGAJA MEMBUAT TAFSIRAN YANG MEMBEBAKAN INILAH YANG MENJADI KESALAHAN KITA.+

TERDAHULU, BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA USAHA MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM BUKAN SATU PERKARA YANG MUDAH DAN INILAH SEBABNYA KERAJAAN MENGHADKAN USAHA ITU KEPADA PENTADBIRAN NEGARA.

+KITA TIDAK MEMBERI PERAKUAN KITA AKAN BERUSAHA MENENTUKAN SETIAP RAKYAT AKAN MENERAPKAN NILAI-NILAI ISLAM. INI TERLALU BESAR SEPERTI GUNUNG YANG TIDAK MUNGKIN DAPAT DIPELUK.

+ITULAH SEBABNYA KERAJAAN MENETAPKAN LANGKAH-LANGKAH AWALAN. KITA BARU DUA TAHUN BERUSAHA DAN DALAM TEMPOH ITU KALAU KITA BOLEH MENGATASI MASALAH-MASALAH SEDIKIT DEMI SEDIKIT, KITA HARUS BERSYUKUR KERANA SUDAH MENCAPAI KEMAJUAN+.

--BERNAMA 2253/AN